

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah tambang percuma pengangkutan awam kepada orang kurang upaya, warga emas, pelajar dan kanak-kanak patut dilaksanakan. Punca utama kerosakan kemudahan aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, nama syarikat yang bertanggungjawab dan apakah penyelesaiannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tambang Percuma Pengangkutan Awam

1. Bagi mengalakkan penggunaan pengangkutan awam, Kerajaan telah melaksanakan tambang percuma atau tambang bersubsidi untuk pelbagai mod pengangkutan awam.
2. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melaksanakan pas perjalanan percuma untuk perkhidmatan KTM Komuter Lembah Klang, KTM Komuter Utara, KTM Shuttle Timuran (Gemas-Tumpat) untuk pelajar sekolah sehingga Tingkatan 6 dan golongan OKU melalui program My Rail Life.
3. Mulai 15 Ogos 2023, MyBAS Johor, Ipoh dan Seremban, melalui program myBas Konsesi, turut menawarkan tambang percuma untuk pelajar sekolah, warga emas dan OKU.
4. Pihak Prasarana juga menawarkan kad konsesi kepada pelajar, warga emas dan OKU. Kad konsesi tersebut menawarkan diskaun 50 peratus daripada harga tunai untuk perkhidmatan MRT, LRT, Monorail, BRT dan Bas RapidKL.
5. Selain itu, Kerajaan juga menyediakan subsidi untuk Pas My50 yang membolehkan penggunaan tanpa had perkhidmatan MRT, LRT, Monorail, BRT dan Bas RapidKL untuk hanya RM50 sebulan bagi warganegara Malaysia.
6. Kerajaan berpandangan sebarang langkah termasuk tambang percuma atau tambang bersubsidi mengikut kemampuan kewangan Negara untuk mengalakkan penggunaan pengangkutan awam adalah wajar bukan sahaja untuk golongan khas sahaja tetapi untuk semua rakyat Malaysia.

7. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan dan memperkasakan mod pengangkutan yang lebih selamat, rendah karbon dan tidak menambah kepada kesesakan jalanraya.

Isu Aerotrain KLIA

8. Punca utama kerosakan kemudahan aerotrain di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur adalah kerana isu aset yang telah melangkaui jangka hayatnya yang menyebabkan prestasi dan fungsi aset merosot. Jangka hayatnya yang telah melebihi 20 tahun menyebabkan kebanyakan komponen alat ganti sudah tiada lagi bekalan dalam pasaran.

9. Sehubungan itu, langkah penyelesaiannya adalah dengan melaksanakan pelan penggantian aerotrain baharu yang mana kontrak yang bernilai RM742.95 juta telah dianugerahkan kepada Pestech Technology Sdn Bhd (PTSB) bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan situasi terkini, Ahli Lembaga Pengarah Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) telah membuat keputusan untuk menamatkan kontrak tersebut disebabkan oleh pelanggaran kontrak oleh pihak syarikat. Keputusan ini diambil selaras dengan prinsip tadbir urus MAHB dan berdasarkan pemantauan rapi pembangunan progresif projek *Automated People Mover* (APM) oleh pihak pengurusan MAHB dan perunding bebasnya.

10. MAHB telah mengadakan rundingan dan perbincangan dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) sedia ada yang terlibat dalam Projek APM untuk tujuan kesinambungan dan demi mengurangkan sebarang kelewatan.

11. Usaha yang diambil termasuk bekerja secara rapat dengan semua pihak berkaitan yang terlibat dalam kerja penggantian sistem dan landasan, serta mengenalpasti kontraktor pihak ketiga yang berpengalaman dan berwibawa untuk memastikan semua komponen projek APM dapat terus berjalan dengan konsisten.

Sekian, terima kasih.